

Dua ulama gegar semangat merdeka Malaysia, Indonesia

Forum sorot sumbangan ilmuwan tuntut, pertahankan kemerdekaan

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Sumbangan ulama tanah air menipis dan semangat kemerdekaan dalam masyarakat sebenarnya amat besar. Catatan sejarah membuktikan golongan agamawan secara langsung terlibat dalam proses kemerdekaan negara baik di negara ini mahupun Indonesia.

Sheikh Abdullah Fahim Sheikh Ibrahim (1879 - 1961) antara alim ulama yang terlibat secara langsung dengan kemerdekaan negara.

Beliau bukan sahaja antara agamawan Tanah Melayu terlibat menyusun draf kemerdekaan, bahkan menjadi rujuk Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman dalam memilih tarikh bersesuaian untuk memperoleh kemerdekaan negara.

Bekas Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Yusof Othman, berkata Sheikh Abdullah Fahim yang memiliki kepakaran dalam bidang ilmu falsafah ialah agamawan bertanggungjawab 'meramalkan' Tanah Melayu Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Mohd Yusof berkata, ini kerana pada temah Sheikh Abdullah Fahim, perjuangan menuntut kemerdekaan pada ketika itu sebagai 'buah yang sudah masak'.

"Beliau berkata, sekiranya 1957 tidak jadi maka merdeka akan terjadi lima tahun selepas tarikh berkenaan, iaitu pada 1962," katanya pada Forum Kemerdekaan Sempena Bulan Kemerdekaan Malaysia dan Indonesia: Jasi Besar Syeikhul Islam Tuan Guru Haji Abdullah Fahim dan Hadhratus Syeikh Kiai Haji Muhammad Hasyim Asy'ari di Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS), Kuala Lumpur.

Mohd Yusof yang juga Pensyikat Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Badawi (LEGASH) berkata, Sheikh Abdullah Fahim yang memiliki keistimewaan mengagumkan, iaitu bijak dan tajam pemikiran meramalkan sesuatu.

"Antara cadangan dikemukakan kepada Tunku Abdul Rahman adalah supaya rombongan ke London yang menuntut kemerdekaan itu, tidak menaiki kapal ter-



Dari kiri, Mohd Yusof, Fahmi Amrullah, Prof Datuk Dr Ahmad Murad Merican dan Dr KH Muhammad Hasam pada Forum Kemerdekaan Sempena Bulan Kemerdekaan Malaysia dan Indonesia di IAIS Malaysia, baru-baru ini. (Foto Rahmah Shuhri/BH)

bang, sebaliknya menaiki kapal supaya mempunyai masa mencukupi untuk berbincang," katanya.

Mohd Yusof berkata, kepakaran dalam perkiraan berdasarkan peredaran bulan yang dimiliki Sheikh Abdullah Fahim turut diakui bekas perdana menteri yang juga cucunya, iaitu Tun Abdullah Badawi.

"Muslim dengan bulan bulan asing kerana ia penentu perubahan air pasang surut, apatah lagi sinonim dengan umat Islam yang sering mengembara untuk berdagang kerana menjadikan alam sebagai sumber rujukan.

"Catatannya antara lain membabitkan talwim yang boleh digunakan sampai kiamat seperti disebut dalam tulisan itu kerana alam mengikat tabii ditetapkan Allah SWT," katanya.

Mohd Yusof berkata, selepas kembali ke tanah air, Sheikh Abdullah Fahim terus aktif mengajar agama di rumah pusakanya di Kepala Batas, Seberang Prai.

Tidak lama selepas itu, tokoh berkenaan dijemput menjadi guru agama di Pondok Tuan Haji Wan Sulaiman Sidik, Kampung Limbong Kapal, Alor Setar.

Sewaktu di Kedah, beliau diberi penghormatan tinggi oleh pemerintah negeri dan dilantik sebagai guru agama kepada Sultan Kedah, sekali gus antara kemuncak pencapaian dalam bidang pendidikan Islam.

Mohd Yusof berkata, Sheikh Abdullah Fahim, kembali semula ke kampungnya di Kepala Batas pada 1925.

"Sheikh Abdullah Fahim me-

neruskan usaha mengajar agama di anjung rumah pusaka yang ketika itu, ada lima pelajar tetap, termasuk Sheikh Abu Bakar Baqir dan Abdul Halim Hadi.

"Pertambahan jumlah pelajar menyebabkan tempat pengajian dipindahkan ke Masjid Kepala Batas di hadapan rumahnya," katanya.

Bagaimanapun pada 1932, Sultan Perak ketika itu, Sultan Iskandar Shah menjemput Sheikh Abdullah Fahim sebagai mudir atau pengetua di Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar hingga 1947.

“Antara cadangan dikemukakannya kepada Tunku Abdul Rahman adalah supaya rombongan ke London yang menuntut kemerdekaan itu, tidak menaiki kapal terbang, sebaliknya menaiki kapal supaya mempunyai masa mencukupi untuk berbincang.”

Mohd Yusof Othman, Bekas Pengarah Institut Islam Hadhari UKM

Ketika seluruh dunia berhadapan keawatan, Sheikh Abdullah Fahim difitnah Inggeris bahawa beliau sedang berpakat untuk menjatuhkan kerajaan sedangkan beliau dan kumpulan agamawan lain sedang merangka draf Tanah Melayu merdeka.

"Tokoh gemilang ini meninggal dunia di Kepala Batas pada 28 April 1961 dengan meninggalkan seorang anak, iaitu Ahmad Badawi.

"Meskipun tidak menghasilkan buku, beliau berjaya 'mencetak' tokoh ulama daripada institusi pendidikan dibinanya, Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah," katanya.

Sementara itu, gerakan kemerdekaan di Indonesia turut dipelopori agamawan seperti dikongsi oleh Pengasah Pongpes Putri Tabulreng Jombang, KH Fahmi Amrullah Hadzik.

Fahmi Amrullah berkata, antara ulama Indonesia yang terlibat dalam gerakan kemerdekaan ialah pengasas Nahdlatul Ulama (NU), KH Muhammad Hasyim Asy'ari yang mengeluarkan fatwa penting bersama ulama Jawa dan Madura, iaitu Fatwa Resolusi Jihad pada 22 Oktober 1945.

Beliau yang juga cucu ulama itu berkata, fatwa berkenaan menggerakkan perjuangan rakyat Indonesia seluruh Indonesia untuk mempertahankan kemerdekaan yang diisytiharkan pada 17 Ogos 1945.

Katanya, Resolusi Jihad KH Hasyim Asy'ari antara lain bermatlamat berjuang mempertahankan kemerdekaan sebagai kewajiban agama.

"Gerakan massa, NU yang ditubuhkan pada 1926, menjadi antara organisasi terbesar di Indonesia ketika itu yang banyak menyuntik semangat merdeka rakyat Indonesia, malah keahliannya melebihi 90 juta orang," katanya.

Fahmi Amrullah berkata, Kiai Muhammad Hashim ialah anak lelaki ketiga antara 11 adik-adik dan mewarisi kepemimpinan ayahnya, Kiai Asyari dan abangnya yang masing-masing adalah tokoh agama dan pemimpin pesantren.

Katanya, sungguhpun beliau tidak mendapat pendidikan formal berikutan sewaktu kecil, Indonesia berada dalam cengkaman penjajah, iaitu sekolah hanya diperuntukkan kepada kaum tertentu.

"Sewaktu berusia 15 tahun, Kiai Muhammad Hashim menitip ilmu dari sekolah pondok dan pada 1892, beliau memutuskan ke Makkah dan belajar dengan beberapa guru termasuk Sheikh Ahmad Kahtib Minangkabau, Sayyid Alwi Ahmad as-Saqqaf dan Sayyid Abbas Maliki," katanya.

Sekembali ke tanah kelahirannya di Jombang Jawa Timur pada 1899, Kiai Muhammad Hashim mendirikan Pesantren Tebuireng yang terkenal dengan pengajaran ilmu hadis, sekali gus sekolah terbesar di Jawa.

Agamawan ini mempunyai 14 anak termasuk Abdul Wahid yang pernah menjadi Menteri Agama, manakala cucunya, Abdulrahman Wahid atau lebih dikenali sebagai Gus Dur ialah presiden Indonesia keempat.